



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	23/12/2019	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

99 PPS di Johor ditutup

Hanya Segamat masih terjejas

Oleh Mary Victoria Dass
maryvictoriadass@hmetro.com

Johor Bahru

Hanya Segamat masih terjejas banjir apabila 101 keluarga membatikan 436 mangsa ditempatkan di sembilan pusat pemindahan sementara (PPS).

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar Johor, Tan Chen Choon berkata, PPS dibuka termasuk Balai Raya Gemerah III dan Balai Raya Ge-

merah IV di Batu Badak, Kompleks Penghulu Pogoh, Sungai Kampung Spang Loi dan Dewan Kampung Tandong Buloh Kasap.

Menurutnya, PPS lain termasuk Sekolah Agama (SA) Kuala Paya, Balai Raya Kampung Sanglang, SA Buloh Kasap dan Balai Raya Kampung Bukit Tunggal.

"Keadaan banjir di Johor semakin pulih dan setakat ini, 99 PPS ditutup di seluruh negeri.

"Cuaca semakin baik membolehkan mangsa pulang ke kediaman masing-masing," katanya.